



Projek *Food Truck* Medini Dilancarkan

Satu Lagi Inisiatif Menggalakkan Penyertaan Masyarakat Setempat di Medini

ISKANDAR PUTERI, 28 September 2016 – Negeri Johor terkenal dengan pelbagai sajian cita rasa tempatan popular, dan penduduknya kini boleh menikmati pilihan juadah yang lebih luas apabila *Food Truck* Medini memulakan perniagaannya. Sebagai sebahagian daripada usaha Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd (MIMSB) untuk meningkatkan daya huni bandar dengan menganjurkan aktiviti yang menghubungkan masyarakat, lima *Food Truck* tersebut dilancarkan secara rasmi hari ini oleh Yang Berhormat Datuk Haji Md. Jais Haji Sarday, Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Usahawan & Koperasi Negeri Johor.

Datuk Haji Md. Jais berkata, "Saya amat gembira dengan inisiatif oleh Medini Iskandar Malaysia yang bukan sahaja menyokong usahawan-usahawan kecil dan sederhana di Johor tetapi juga menggalakkan penyertaan mereka dalam pembangunan di Medini. Adalah menjadi tanggungjawab kita untuk memastikan komuniti tempatan tidak ketinggalan."

Beliau turut menyarankan agar para pengusaha menjalankan kajian pemasaran/marketing research dan menerokai kaedah pemasaran digital serta aktiviti promosi yang unik demi memastikan produk mereka mendapat sambutan positif daripada masyarakat tempatan.

Dalam ucapan beliau di majlis tersebut, beliau turut berharap lebih banyak kolaborasi/kerjasama erat antara entiti kerajaan Negeri Johor dengan syarikat swasta dapat diwujudkan selaras dengan konsep Gagasan Johor Berkemajuan yang diperkenalkan oleh YAB Menteri Besar Johor.

Food Truck Medini tersebut, yang dikendalikan oleh para pemenang pertandingan memasak yang diadakan awal tahun ini oleh MIMSB, akan mula menawarkan pelbagai pilihan makanan di Iskandar Puteri dan beberapa lokasi strategik di Iskandar Malaysia termasuk sajian Malaysia, Asia, Itali, Mexico dan hidangan Barat lain, serta juadah pencuci mulut.

Projek *Food Truck* Medini ini memberi peluang kepada lima pemenang yang mempunyai semangat keusahawanan tinggi ini untuk melangkah maju dalam bidang perniagaan makanan dan minuman (F&B). *Food truck* yang disediakan oleh pihak MIMSB ini akan mula beroperasi pada bulan Oktober untuk jangkamasa dua tahun.

Encik Mohd Zamani Razali, Naib Presiden Eksekutif Pembangunan, MIMSB, mengulas di majlis pelancaran, "Sambil Medini Iskandar Malaysia berkembang maju sebagai sebuah bandar, kami berpeluang menggunakan idea 'place-making' atau 'membina kesejahteraan setempat' untuk mencorakkan masyarakat di sini dengan menyediakan daya tarikan seperti trak makanan, yang pastinya akan menjadikan Medini sebagai destinasi menarik yang penuh dengan aktiviti sosial dan ekonomi. Kami juga berpeluang membantu dan membimbing usahawan berbakat membina perniagaan masing-masing dalam industri makanan & minuman (F&B). Kami amat berbesar hati untuk menyokong pembangunan Pengusaha Kecil dan Sederhana (PKS) menerusi projek *Food Truck* Medini, justeru dapat meningkatkan lagi penyertaan rakyat tempatan dalam pembangunan di Medini."

Lima pemenang telah dipilih awal tahun ini selepas 23 peserta akhir mengetengahkan masakan terbaik mereka dalam Pertandingan Memasak Medini yang dibahagikan kepada beberapa kategori. *Laksa KING* memenangi kategori 'Tempatan' dengan menyediakan sajian asli Malaysia, manakala *Diesel Boy* dengan menu yang menyelerakan mengungguli kategori 'Asia'. *I-Shell Out* yang menawarkan hidangan gandingan cita rasa Barat muncul juara dalam kategori 'Barat' manakala *Tacoloco.MY* mengatasi para pesaing dengan hidangan Mexico yang lazat. Sementara itu, *Smalta Ice Cream Co.* meraih kemenangan dalam kategori 'Pencuci Mulut dan Minuman' dengan menawarkan manisan yang lain daripada yang lain.

En Zamani juga menambah, "Projek *Food Truck* Medini adalah sebahagian daripada program "membina kesejahteraan setempat" yang diterajui oleh Khazanah Nasional Berhad, dengan tujuan menjadikan Iskandar Puteri lebih berdaya huni, dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat. Kami yakin projek *Food Truck* Medini akan menyumbang kepada usaha menjadikan Medini lebih berdaya huni."

-Tamat -

Mengenai Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd

Medini Iskandar Malaysia Sdn Bhd ("MIM") yang dimiliki oleh Jasmine Acres Sdn Bhd (60%), United World Infrastructure (20%) dan Mitsui & Co., Ltd (20%), ialah pemaju induk bagi taman perumahan kota Medini seluas 2,230 ekar – sebuah bandar raya lestari yang sedang dibangunkan di Iskandar Puteri, Johor. Pemegang saham utama MIM, Jasmine Acres dimiliki bersama oleh Khazanah Nasional Berhad dan Iskandar Investment Berhad. Peranan MIM, yang ditubuhkan pada 2007, kini telah berubah daripada menjadi pengurus infrastruktur induk dan perancang induk kepada pemaju bangunan pejabat dan penyedia perkhidmatan pengurusan bandar. Perubahan progresif ini bertujuan melengkap pelbagai tawaran produk yang disediakan oleh rakan pemaju MIM dan menyokong pertumbuhan dinamik Medini yang mempunyai pelan induk unik, yang disasarkan untuk menjadi Ikon Kehidupan Bandar Raya Masa Depan. Dengan pelbagai insentif disediakan untuk Medini, MIM mengalu-alukan pelabur yang meneroka peluang pelaburan di destinasi yang terletak secara strategik berhampiran Singapura. MIM bekerjasama secara rapat dengan kerajaan persekutuan dan negeri dan agensi berkaitan; Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar (IRDA), majlis tempatan, dan juga pihak berkepentingan utama di dalam dan sekitar Medini untuk memartabatkan Medini sebagai pusat perniagaan utama yang pintar dan terhubung bagi Iskandar Puteri, Johor. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.medini.com.my.

Dikeluarkan bagi pihak MIM Sdn Bhd

AZLAN AKIL

Vice President, Stakeholder & Media Management

HP: 019 771 3189

Email: azlan.akil@medini.com.my

IZZAYATI HUSNA AHMAD

Associate, Stakeholder & Media Management

HP: 019 717 6270

Email: izzayati.husna@medini.com.my